

PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM KONTEMPORARI DI UTARA FILIPINA

Marlon Pontino Guleng¹

¹ Universiti Islam Selangor

*¹email: yusufmarlon@kuis.edu.my

Abstrak: Pendidikan Islam bertujuan untuk menambah dan memanfaatkan aspek intelektual dan juga kerohanian manusia. Walau bagaimanapun, walaupun sebilangan besar masyarakat Muslim di Filipina mendakwa bahawa sistem ini tidak diperhatikan oleh kerajaan Filipina kerana sistem pendidikannya adalah beramal dengan sistem sekular. Sistem pendidikan di sekolah kerajaan hanya memberi penekanan pada pengetahuan manusia dan perkara ini bertentangan dengan sistem pembelajaran Islam iaitu menumpukan perhatian pada aspek ketuhanan. Oleh kerana kedua-dua sistem pengetahuan ini diajar secara berasingan, sistem pendidikan sekarang di negara Filipina tidak begitu berkesan dalam memenuhi keperluan masyarakat Muslim tempatan. Dalam menangani cabaran pendidikan ini, pemerintahan telah mengambil inisiatif dengan memulakan beberapa program dan kebijakan yang disetujui oleh undang-undang berikut, seperti: (i) the Letter of Instruction No. 1221 of 31 March 1982; (ii) the Letter of Instruction No. 17-A, (iii) the Muslim Mindanao Autonomy Act No. 14, (iv) the DepED Order No. 51 of 28 August 2004, (v) the DepED Order No. 40 of 19 May 2011, and (vi) the different provisions of the Peace Agreements between the Bangsamororebels and the Philippine government. Walau bagaimanapun, walaupun terdapat kelulusan dan sokongan undang-undang dan program, pendidikan Islam di Filipina masih kekurangan dana, isu pengurusan dan pentadbiran serta masalah struktur.

Kata Kunci: Perkembangan, Republic Act, Pendidikan Islam, Filipina

Pendahuluan

Perkembangan pendidikan Islam di kepulauan Filipina melalui proses yang agak panjang dan mencabar. Ia bermula sejak kedatangan agama Islam di “*The Pearl of the Oriental Seas*”¹ pada abad ke-12, kini dipanggil Philippines setelah penjajah Spanyol mendarat ke kepulauan ini pada abad ke-16 dan nama panggilan “Philippines” diambil sempena nama King Philip II setelah Ferdinand Magellan sampai ke pulau ini pada tahun 1521 dan memerintah kepulauan Filipina selama 377 tahun. Walau bagaimanapun, terdapat perbincangan mengatakan bahawa nama asal kepulauan ini adalah “Maharlika” yang merujuk kepada “freeman” atau pahlawan berstatus tinggi kerana mereka berkhidmat di bawah Datu². Jika dirujuk kepada bahasa Melayu maka “freeman” itu membawa erti orang yang merdeka kerana mereka daripada golongan pejuang atau pahlawan yang bebas dan bukannya

¹Nama panggilan ini disebut oleh Jose Rizal sebelum ditembak mati oleh Spanyol. Jose Rizal merupakan wira negara yang berjuang menentang penjajah khususnya Spanyol.

²Scott, William Henry (1992). *Looking for the Prehispanic Filipino and Other Essays in the Philippine History*. Quezon City: New Day Publishers. ISBN 978-971-10-0524-5.

golongan hamba. Namun penulis berpandangan bahawa perkataan “Maharlika” juga tidak mustahil berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu “مهرلك” iaitu mahar atau mas kahwin.

Literature Review

Ahli sejarawan berhujah bahawa kedatangan Islam di Filipina boleh dibahagikan kepada tiga tahap. Tahap pertama adalah pada abad ketiga belas di mana sekumpulan pedagang Arab mendarat di Pulau Sulu sebagai jalan perdagangan mereka. Dakwaan ini dikuatkan lagi dengan disokong oleh penemuan batu nisan di lereng Bud Datu dari Jolo yang menunjukkan nama Tuhan Maqbalu dan tahun kematiannya 1310 AC dalam kalendar Gregorian (Salah Jubair 1999). Menurut Cesar Adib Majul, ahli sejarawan Muslim di Universiti Filipina, Tuhan Maqbalu adalah ketua kaum Muslimin pada masa itu (Majul 1973).

Manakala tahap seterusnya adalah kedatangan beberapa mubaligh Arab terpelajar yang datang daripada Pulau Sumatera yang diketuai oleh Raja Baguinda Ali dari Menangkabaw pada akhir abad ke-14. Tahap ketiga pula adalah kedatangan pemimpin Muslim dari Melaka, Jawa, Muluccas dan Borneo pada abad ke-15 dan ke-16 (Peter Gowing 1968). Tahap terakhir proses Islamisasi dari awal tahun abad ke-19 melalui pengaruh beberapa mubaligh Muslim yang berasal dari negara-negara Arab, seperti Universiti Mesir al-Azhar, Universiti Madinah dan Libya. Selain itu, kemunculan sekolah-sekolah Islam dan peningkatan jumlah pelajar Moro yang telah diberi peluang untuk belajar Islam di beberapa negara Arab dan juga sebilangan orang Islam yang berjaya menunaikan haji dan diberi peluang tinggal lebih lama di Tanah Haram untuk belajar mengenai Islam (Majul, 1999).

Antara mubaligh Arab terkenal yang memainkan peranan penting dalam mengislamkan Tanah Maharlika adalah Sayid Abu Bakar (Majul, 1973). Beliau terkenal sebagai berpengetahuan dalam bidang teologi dan shari'ah. Misinya adalah untuk menyebarkan pemikiran Abu Ishaq yang termaktub dalam buku Dar al-Mazlum atau (The House of Oppressed) dalam dunia Melayu. Pada tahun 1450 Masihi. Sayid Abu Bakar sampai di Pulau Sulu melalui Sumatera dan Borneo (Najeeb Saleeby 1931). Batu nisan Abu Bakar bertajuk Paduka Masahari Maulana al-Sultan Sharif al-Hashim, yang menunjukkan keturunannya berasal dari kerabat di raja di negara Arab (Peter Gowing 1968).

Metode

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui reka bentuk analisis kandungan. Bahan teks yang digunakan sebagai sumber utama pengumpulan data adalah laporan bulanan ALIVE, Republic Act DepEd, jurnal, tesis dan deklaras. Sepanjang kajian ini analisis secara deskriptif dan kritis digunakan bagi menghasilkan artikel sesuai dengan bidang yang dibincangkan.

Hasil dan Pembahasan

Perkembangan Pendidikan Islam Kontemporari di Filipina

Madrasah memainkan peranan penting dari aspek perkembangan pendidikan Islam di Filipina. Madrasah adalah pusat pendidikan Islam yang mengajar pengajian bahasa Arab dan ilmu-ilmu berkaitan agama Islam, terutama belajar dan mengajar al-Quran serta penguasaan bahasa Arab. Ia dilihat bukan hanya sebagai institusi pembelajaran tetapi juga simbol kepada agama Islam. Ia dianggap sebagai tempat yang tepat untuk memperoleh pengetahuan dalam bahasa Arab dan ilmu agama Islam (Rodriguez 1993).

Pada akhir abad ke-13 atau awal abad ke-14, pendidikan Islam diberikan penekanan di Selatan Filipina. Pendidikan Islam tersebar ke seluruh Pulau Selatan Mindanao dan Kepulauan Sulu selama lebih dari dua ratus tahun (Majul 1999). Sehingga ke hari ini, perjuangan memartabatkan pendidikan Islam dalam kalangan umat Islam di Filipina masih berada pada tahap sekadar dasar kerana tidak mampu diketengahkan di dalam sebuah negara yang mengamalkan pentadbiran sekular. Kemiskinan, kekurangan dana dan birokrasi adalah cabaran utama yang dihadapi dalam usaha melakukan reformasi pendidikan Islam di Filipina.

Integrasi melalui pendidikan adalah ancaman besar terhadap perpaduan nasional dalam kepelbagaian masyarakat Filipina. Akibat daripada gerakan pemisah Muslim di Mindanao, ancaman ini menjadi perhatian bagi pihak kerajaan. Prejudis terhadap umat Islam di Filipina telah menyebabkan dasar integrasi terhalang sehingga umat Islam tunduk kepada dasar-dasar kerajaan yang mengamalkan sistem sekularisme sehingga penduduk majoriti jadi keutamaan agenda pembangunan. Jeffrey Ayala Milligan (2004) mendakwa bahawa pelaksanaan dasar integrasi mungkin akan berkesan untuk mengukuhkan pendidikan Islam dalam kalangan pelajar-pelajar Muslim dan merapatkan perpaduan etnik antara Kristian dan Muslim di Filipina.

Hakikatnya, pelaksanaan pendidikan Islam di sekolah-sekolah awam di Filipina merupakan salah satu cara untuk mengurangkan jurang antara penduduk Muslim dan Kristian. Juga, dapat mewujudkan persaingan yang sihat dalam pendidikan yang lebih maju kerana kebanyakan sekolah-sekolah orang Islam masih banyak yang perlu ditambah baik khususnya fasiliti dan kelengkapan-kelengkapan yang terkini akibat daripada kekurangan dana sehingga tidak mampu bersaing dan kekal dengan sistem pendidikan berpaksikan kepada tradisi lama.

Di peringkat awal, terdapat percubaan untuk menjadikan penggunaan satu bahasa sahaja di seluruh kepulauan Filipina pada zaman pemerintahan Amerika Syarikat setelah mengambil alih negara tersebut daripada Spanyol. Milligan (2004) menyatakan bahawa Filipina Muslim merasakan dasar ini tidak bertamadun, mundur dan berisiko tinggi terhadap perpaduan etnik. Dasar ini juga akan mengabaikan sejarah umat Islam di Filipina, melupakan budaya dan agama masyarakat Filipina Muslim. Bahkan menurut Clavel (1969) jelas menyatakan bahawa untuk mencapai kemajuan ketamadunan yang tinggi haruslah meninggalkan sebahagian tradisi akhlak dan kebudayaan Filipina Muslim. Penekanan terhadap polisi ini berterusan sehingga tahun 1980an yang mengakibatkan kepada penentangan mengangkat senjata dalam kalangan pejuang Filipina Muslim dengan tujuan untuk mempertahankan hak mereka.

Antara cabaran yang diperjuangkan oleh masyarakat Muslim adalah memartabatkan sistem pendidikan Islam secara formal. Perjuangan ini berterusan sehingga abad ke-20. Menjelang tahun 1950-an, sekolah disusun berdasarkan model Arab akhirnya muncul di beberapa bandar di Mindanao. Pada awal tahun 1970-an, jumlah madrasah meningkat dengan cepat menjadi lebih dari 1000 di bahagian Barat Mindanao (Boransing, et. al., 1987).

Sebilangan besar sekolah yang didirikan adalah hasil daripada tajaan daripada negara-negara Timur Tengah manakala sebahagiannya pula adalah hasil daripada bayaran yuran pendidikan yang dikenakan kepada masyarakat setempat. Sebilangan besar ibu bapa Muslim menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan manakala pada hujung minggu mereka akan belajar pula di madrasah untuk mendalami ilmu agama. Pada pertengahan tahun 1990-an, madrasah persendirian dengan kebenaran pihak pemerintah muncul untuk menjadikan

Islam sebagai kurikulum utama bagi memenuhi keperluan masyarakat Muslim yang sekian lama diabaikan. Oleh itu, sistem pendidikan Islam bermula dari tahun 1980-an.

Sistem pendidikan yang dirangka untuk kegunaan madrasah selari dengan dasar pendidikan negara. Dasar integrasi pendidikan ini adalah untuk menghilangkan ketegangan antara Kristian dengan Muslim yang sekian lama dirasai. Konflik tersebut diharapkan dapat diselesaikan secara beransur-ansur dengan kewujudan kurikulum bersepadu. Dasar ini telah menyebabkan terbinanya sekolah dan universiti awam yang berorientasikan sistem sekular dalam daerah masyarakat Muslim sejak awal 1950-an (Isidro 1979). Suruhanjaya Integrasi Nasional juga dibentuk oleh pemerintah bertujuan untuk memberikan bantuan pembangunan dan pemberian biasiswa perguruan khususnya untuk mahasiswa Muslim (Clavel 1969).

Namun, pada awal tahun 1970-an, usaha tersebut tidak berhasil untuk meredakan gerakan pemisah (Clavel, 1969). Pada tahun 1986 setelah penggulingan pemerintahan diktator Marcos akhirnya sistem demokrasi dapat dikembalikan sehingga memberikan sinar baru kepada politik dan masyarakat Filipina Muslim. Tuntutan penindasan terhadap umat Islam mendapat simpati dan perhatian di bawah pemerintahan Presiden Corazon Aquino yang diangkat menggantikan pemerintahan Marcos.

Pada tahun 1990, penubuhan Autonomous Region in Muslim Mindanao (ARMM) membawa sinar baru. ARMM berfungsi untuk menekankan pemerintah supaya dapat mewujudkan dan melindungi sistem pendidikan awam untuk mendidik rasa tanggungjawab dan hak setiap warganegara, memelihara budaya umat Islam, Kristian dan orang lain di rantau ini untuk menjaga perpaduan dalam masyarakat yang pelbagai (Republic of the Philippines, 1990). Undang-undang itu juga menekankan tentang pelaksanaan bahasa Arab sebagai subjek tambahan untuk pelajar sekolah Muslim bagi mewujudkan identiti etnik dan meminta pemerintah supaya mengiktiraf madrasah.

Pada tahun 1991, pelan tindakan pendidikan yang digariskan dalam akta tersebut kemudian diserahkan kepada Jabatan Pendidikan, Kebudayaan dan Sukan Daerah. Kerangka undang-undang dan dasar ini dilaksanakan pada pertengahan tahun 1990-an, iaitu membolehkan masyarakat Filipina Muslim buat pertama kali menentukan arah pendidikan mereka sejak kehilangan kemerdekaan mereka di tangan Amerika Syarikat. Golongan profesional dalam bidang pendidikan dalam kalangan intelektual Filipina Muslim segera merebut peluang ini untuk mengislamisasikan sistem pendidikan di ARMM (Tamano, 1996).

Usaha tersebut akhirnya dibawa ke skema baru dalam dasar pendidikan di wilayah ARMM yang disokong dan disambut baik oleh Department of Education (Kementerian Pendidikan) untuk kepentingan anak-anak Muslim di luar wilayah (Mutilan, 2003). Skim pertama melibatkan Islamisasi pendidikan awam di rantau ini. (Bula, 1989). Walaupun pendidikan Islam disokong oleh komuniti Muslim Filipina namun cabaran bagi pelajar Muslim yang bersekolah tidak akan dapat bersaing untuk mendapat jawatan yang lebih tinggi dalam komuniti dan bahkan sukar untuk menyambung pelajaran di universiti kerana kebanyakan subjek yang dipelajari hanya bertumpu pada bidang agama dan subjeknya sering tidak diiktiraf oleh kerajaan.

Akibatnya, pelajar-pelajar lulusan madrasah akan berusaha mendapatkan tajaan untuk menyambung pelajaran di Timur Tengah manakala yang lain memilih untuk bekerja sendiri. Isu lain pula adalah guru-guru yang mengajar di madrasah tidak dibayar kerana masalah kewangan. Keadaan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dan ketidakadilan. Oleh itu, usaha para guru untuk memperluaskan sistem pendidikan Islam termasuklah sukatan

pelajaran Islam perlu diajar di sekolah awam. Ini memerlukan pengiktirafan kerajaan untuk memenuhi syarat bagi mendapatkan bantuan dana di bawah Pendidikan Swasta.

Tuntutan ini akan membolehkan pelajar Muslim boleh berpindah ke sekolah awam, universiti tempatan dan boleh bekerja di sektor kerajaan. Pembaharuan ini bertujuan untuk mencapai integrasi dua sistem pendidikan yang terpisah; pendidikan kerajaan dan Islam. Oleh itu, pendekatan ideal dalam pendidikan diperlukan untuk mengembalikan prospek perdamaian antara Muslim-Kristian dan sekularisasi ke Islamisasi (Saligoin 1997; Abdullah 2003; Ghazi 2003; Boransing 2003).

Untuk menerapkan pendidikan Islam di sektor pendidikan Filipina, pemerintah Filipina melalui Jabatan Pendidikan, mengeluarkan Department Order 51 pada tahun 2004 untuk meluluskan subjek bahasa Arab dan nilai-nilai Islam (Arabic Language and Islamic Values Education atau ALIVE) untuk diajar di sekolah-sekolah awam di seluruh negara. Sejak tahun 2004, banyak sekolah awam menawarkan bahasa Arab dan nilai-nilai Islam setelah melakukan pemetaan menyeluruh di sekolah-sekolah awam yang mempunyai pelajar Muslim. Sejak Department Order 51 dilaksanakan pada tahun 2004, ramai guru sekolah awam dilatih dan dilengkapi dengan ilmu bagi keperluan pendidikan bahasa Arab di bilik darjah mereka. Ramai guru Bahasa Arab yang lulus dalam Peperiksaan Perlesenan Guru sebagai syarat untuk membolehkan bekerja dengan Jabatan Pendidikan. (Wendell Glenn Cagape 2007).

Program ALIVE merupakan salah satu jalan untuk membina keamanan antara etnik Muslim dan Kristian. Perpaduan nasional di Filipina dan perpaduan antara budaya adalah objektif utama untuk menjaga keamanan negara. Pelaksanaan program ALIVE dalam sistem pendidikan awam bermula pada tahun 2005 (Juliet Sannad, 2015). Seperti warganegara Filipina yang lain, masyarakat Filipina Muslim mempunyai hak untuk berdaya saing dari aspek pendidikan, ekonomi dan politik di Republik Filipina.

Presiden Gloria Macapagal-Arroyo semasa pemerintahannya mengumumkan bahawa integrasi sistem madrasah di dalam kurikulum pendidikan awam akan menjadi jalan utama dalam menyediakan keseluruhan keperluan pendidikan umat Islam di Filipina, terutama di daerah-daerah yang terjejas akibat daripada konflik bersenjata berpanjangan di Mindanao khususnya dalam kawasan-kawasan zon Damai dan Pembangunan (Macapagal-Arroyo 2002).

Pelaksanaan Program Bahasa Arab dan Nilai-Nilai Akhlak Islam (ALIVE)

ALIVE adalah singkatan daripada Arabic Language and Islamic Values Education merupakan teras utama bagi Kementerian Pendidikan untuk membawa sinar baru kepada kanak-kanak Filipina Muslim bagi mendapatkan ilmu tentang bahasa Arab dan akhlak Islam. ALIVE juga berperanan sebagai alternatif dan jambatan dalam pembinaan hubungan baik antara orang Muslim dan Kristian setelah berhadapan dengan konflik yang tiada kesudahan.

Tahun 2015 merupakan permulaan ALIVE di laksanakan di semua sekolah-sekolah awam dan mendapat sambutan yang hangat dalam kalangan guru Muslim, para pelajar Muslim (pelajar bukan Muslim juga dibenarkan mengikuti program ini dengan syarat mempunyai kebenaran daripada ibupapa/penajaga) dan Kementerian Pendidikan Negeri ditugaskan sebagai pemilik, pengurus dan penilai kepada program ini.

Berikut adalah beberapa kesan pelaksanaan Program ALIVE di sekolah kerajaan di Filipina.

a. Penyertaan Program ALIVE terhadap Cuti Umum Negara

Integrasi program ALIVE ini berjaya dilaksanakan hasil daripada sokongan semua pihak sehingga membawa kepada penghargaan, pemahaman dan penerimaan oleh seluruh masyarakat tanpa mengira etnik, agama dan budaya. Impak daripada pelaksanaan program ini maka membawa kepada cuti umum negara seperti 'Am al-Jadid (Tahun Baru kalendar Islam yang merujuk pada 1 Muharram), Maulid al-Rasul (hari kelahiran Nabi Muhammad SAW), Ramadan, eid al-Adha, eid al-Fitri dan Isra' wa al-Mi'raj (Amil S. Flamiano 2015).

Program ALIVE ini merubah takwim persekolahan yang membawa kepada kepuasan dalam kalangan penganut Islam. Sepertimana yang terkandung di dalam Ordinan DepEd Order No. 11, s. 2006 berkaitan cuti umum orang Islam seperti berikut:

1. Pursuant to Articles 169-172 of Presidential Decree No. 1083, "A Decree to Ordain and Promulgate a Code Recognizing the System of Filipino Muslim Laws, Codifying Muslim Personal Laws, and Providing for its Administration and for Other Purposes". The Department shall observe the following provision:

1.1 Article 169 on official Muslim Holidays states that the following dates are hereby recognized as Legal Muslim Holidays:

a. "Amun Jadid (New Year, which falls on the first day of the first lunar month of Muharram);

b. Maulid-un-Nabi (birthday of the Prophet Muhammad, which falls on the twelfth day of the third lunar month of Rabi-ul-Awwal);

c. Lailatul Isra Wal Mi'raj (Nocturnal Journey and Ascension of the Prophet Muhammad), which fall on the twenty-seventh day of the seventh lunar month of Rajab);

d. Id-ul-Fitr (Hari Raya Puasa, which falls on the first day of the tenth lunar month of Shawwal, commemorating the end of the fasting season); and

e. Id-ul-Adha (Hari Raya Haji, which falls on the tenth day of the twelfth lunar month of Dhul-Hijja).

Semua pengarah dan pegawai Kementerian Pendidikan perlu patuh kepada Undang-undang yang diluluskan yang membenarkan semua pegawai dan pekerja Filipina Muslim tidak perlu datang bekerja pada waktu-waktu yang diwartakan sebagai cuti umum masyarakat Muslim dan gaji mereka dibayar penuh oleh majikan masing-masing.

Perlu diketahui bahawa amalan di negara Filipina yang mengamalkan sistem demokrasi sekular hendaklah setiap undang-undang yang diluluskan akan melalui persidangan di parliamen dan perlu ada seorang Senator sebagai wakil untuk membawa usul atau cadangan yang perlu dibahas dan diluluskan di parliamen. Yang menariknya adalah Senator yang membawa usul atau cadangan bagi kepentingan masyarakat Filipina Muslim adalah seorang yang beragama Kristian kerana sehingga ke hari ini belum ada Senator dalam kalangan Orang Islam selepas Senator Ahmad Domocao "Domie" A. Alonto (August 1, 1914 -December 11, 2002), iaitu menjadi Senator pada tahun 1955-1961.

b. Program ALIVE Sebagai Asas Pendidikan Islam Kepada Semua

Menjadi dasar pendidikan bagi pemerintah Filipina adalah untuk memberikan hak kepada setiap kanak-kanak untuk diberikan pendidikan yang sempurna. Semua kanak-kanak mempunyai hak dan mesti diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan berkualiti tanpa mengira bangsa, warna kulit, agama atau budaya mereka (Nene Astudilla C. Godoy, et al. 2008). Dengan alasan ini, Kementerian Pendidikan perlu melaksanakan program ALIVE supaya kanak-anak Muslim dapat mempunyai pengetahuan terhadap agama mereka (terutama nilai-nilai Islam) dan bahasa Al-Quran yang merupakan bahasa Arab (Juliet Sannad 2015).

Pengajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua di wilayah-wilayah Muslim di Filipina tidak hanya ditulis atas Perlembagaan Filipina yang baru (Artikel 15 Sec 3), bahkan perlu didasarkan kepada kenyataan bekas Presiden Ferdinand E. Marcos, seperti berikut (Ahmad Mohammad Hassoubah, 1981):

...and so long as the Filipino people have faith and trust in me, so long as I am President of this Republic, I shall see to it that our Muslim brothers are offered all the opportunities to serve the nation so that they truly become part of the national community; that this government shall serve them with the same enthusiasm, vigor and zeal as it has in serving the rest of the Filipino Citizenry; that their culture, their heritage and their religion which is Islam, shall forever be part of the Filipino contribution toward culture and civilization.

Pendidikan Filipina ditakrifkan dalam Perlembagaan 1987, Akta Pendidikan 1982 atau Batas Pambansa Blg. 232, Undang-Undang Tadbir Urus Pendidikan Asas 2001 dan Kurikulum Pendidikan Asas. Perlembagaan 1987 memperincikan dasar-dasar negara mengenai pendidikan. Pasal XIV, Bagian 1. Negara harus melindungi dan mempromosikan hak semua warga negara berkaitan pendidikan berkualiti di semua peringkat dan harus mengambil langkah-langkah yang tepat agar pendidikan tersebut dapat diakses oleh semua orang. Pasal XIV, Bagian 2 (1).

Akta Asas Kurikulum Pendidikan 2002 bagi pendidikan dasar formal bertujuan untuk (i) menyediakan asas pendidikan berkualiti yang dapat diakses secara adil oleh semua orang, dan meletakkannya sebagai asas bagi pembelajaran dan perkhidmatan sepanjang hayat bagi kebaikan bersama (ii) memperkasakan para pelajar bagi mencapai orang yang berpengetahuan dan mempunyai fungsi serta kemahiran hidup sehingga mereka mampu berdaya saing yang bersifat makabayan (patriotik), makatao (berperikemanusiaan), makakalikan (menghormati alam semula jadi) dan maka-Diyos (beriman kepada Tuhan).

Presiden Amerika Syarikat Akhir William McKinley menyebut dalam Kongres Amerika pada tahun 1899 mengenai dasar-dasar Amerika Syarikat terhadap Filipina (Gowing, Peter G. 1968; Harrison, Francis B. 1922):

The Philippines are not ours to exploit, but to develop, to civilize, to educate, to train in the science of self-government. This is the path we must follow or be recreant to a mighty trust committed to us.

Jelaslah melalui kenyataan di atas bahawa rasional program ALIVE ini adalah untuk memberikan asas pendidikan kepada masyarakat Filipina Muslim kerana orang Islam yang kurang berkemampuan akan menjadi masalah kepada negara jika mereka tidak diberikan pendidikan asas. Jika program ALIVE tidak dimasukkan dalam silibus pendidikan di sekolah awam maka akan menyebabkan masyarakat Muslim akan ketinggalan kerana kerana ketiadaan kemampuan untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah swasta sedangkan sekolah-sekolah awam menawarkan pendidikan percuma (Boransing 2006).

c. Program ALIVE Membuka Peluang Pekerjaan kepada Guru Muslim

Pemilihan dan pengambilan guru dalam program ALIVE mestilah sesuai dengan panduan yang ditetapkan oleh DepEd Order No. 54, s. 2006 mengenai Garis Panduan Pengambilan Guru sekolah rendah dan menengah di sekolah kerajaan. Namun, oleh kerana program ALIVE masih baru maka kriteria tambahan untuk pengambilan dan pemilihan guru ALIVE telah ditetapkan untuk memastikan pelaksanaan program yang berkualiti terjamin.. Pemohon guru ALIVE harus mempunyai kelayakan dalam bidang pendidikan serta potensi

untuk mengajar bagi subjek program ALIVE yang ditawarkan (Nene Astudilla C. Godoy, et. al., 2008).

Guru ALIVE yang terpilih haruslah menjalani proses latihan sebelum diberikan surat penempatan bagi menguruskan kelas ALIVE di sekolah awam yang ditetapkan. Ia bergantung kepada guru (asatidz) yang diperlukan dalam sesuatu masa dan sesuatu penempatan kerana nisbah pelajar-guru haruslah 15: 1 di satu kawasan dan juga ia bergantung kepada kekuatan dana atau peruntukan yang disediakan oleh kerajaan.

Guru yang ditempatkan di sekolah awam akan dipantau dan dinilai secara berterusan. Walau bagaimanapun, pemberian elaun bulanan dan faedah lain untuk guru ALIVE yang terpilih dimulakan pada tahun 2007 berdasarkan Memorandum DepEd 250, s. 2007, berjudul "Guidelines in the payment of Allowance of Muslim Teachers (asatidh) in ALIVE in the Public Elementary School". Untuk memastikan pembayaran elaun bulanan asatidh tepat pada waktunya maka Memorandum DepEd No. 304, s. 2008 bertarikh 26 Jun 2008 maka Land Bank telah dilantik. Elaun guru yang dibayar hanya P5,000 / bulan (RM500) sebagai honorarium dan bukannya gaji seperti guru biasa (Nene Astudilla C. Godoy, et. al., 2008).

Apabila seorang asatidh lulus dalam Peperiksaan Pelesenan Guru setelah mengikuti Program Pendidikan Guru selama 2 tahun maka beliau akan ditetapkan dan bekerja sebagai guru biasa untuk mengendalikan Pendidikan Bahasa Arab dan Pendidikan Akhlak Islam serta mengajar beberapa mata pelajaran tambahan. Gaji beliau akan dibayar mengikut gaji permulaan sama dengan gaji Guru I iaitu 12,006 pesos/bulan pada tahun 2007 manakala pada tahun 2021 gaji permulaan telah meningkat pada 23,877 pesos/bulan.

d. Kelebihan Program ALIVE Terhadap Masyarakat Muslim di Filipina

Salah satu kelebihan Program ALIVE untuk masyarakat Islam di Filipina akan mengeratkan hubungan antara negara Arab dengan negara Filipina. Ini kerana permintaan negara-negara Arab bagi pekerja Filipina dan juga golongan profesional akan terus meningkat dan pasti akan membuka jalan kepada hubungan sosio-ekonomi yang akan menguntungkan kedua pihak (Hassoubah, 1981).

Program ALIVE dilaksanakan untuk kepentingan pelajar-pelajar Filipina Muslim. Pertama, integrasi mata pelajaran Islam ke dalam kurikulum sekular adalah konsep yang baik dan akan berlaku perbincangan yang lebih luas. Kedua, pendidikan Islam berpotensi untuk memenuhi keperluan kanak-kanak Muslim. Ketiga, guru adalah berkelayakan dan terlatih secara profesional, oleh itu cara pembelajaran dan pengajaran pasti lebih baik. Keempat, program ALIVE menjadi platform untuk mendidik kanak-kanak Muslim kepada asas-asas fardhu ain mengenai agama Islam. Terakhir, pengajian Arab dan Islam dimasukkan ke dalam kurikulum sehingga sekurang-kurangnya dapat memenuhi keperluan pelajar Muslim yang tidak dapat mengikuti pengajiannya di madrasah ketika hujung minggu (Arsad 2007). Satu kelebihan lagi mengenai pelaksanaan program ALIVE ini adalah dapat berdakwah kepada golongan kanak-kanak bukan Islam kerana mereka pun boleh menghadiri program ini dengan syarat mendapat persetujuan bertulis daripada ibu bapa mereka (Nene Astudilla C. Godoy, et. al., 2008).

Pembahasan

Menurut Boransing (2004) kesan positif dapat dilihat melalui pelaksanaan DepEd Order 51, 2004 mengenai program pendidikan Islam di Filipina. Jika dilihat dari aspek Islamisasi di negara majoriti Kristian maka pelaksanaan program ALIVE merupakan permulaan yang baik untuk menerapkan ajaran-ajaran asas Islam di sekolah-sekolah awam.

Sebagai sebuah negara minoriti Muslim, kerajaan Filipina perlu memberi fokus kepada pembangunan pendidikan Islam, kualiti para guru Muslim dan kemampuan berdaya saing seiring dengan guru-guru lain. Sebagai contoh, bilangan guru Muslim yang ada dalam program ALIVE tidak cukup untuk memenuhi permintaan kanak-kanak Muslim di seluruh negara. Begitu juga, kekangan bahasa juga menjadi masalah lain yang dihadapi oleh guru Muslim tempatan kerana pelajar-pelajar berasal dari pelbagai suku dan dialek khususnya pelajar-pelajar pedalaman yang lemah penguasaannya terhadap bahasa Inggeris dan bahasa Kebangsaan.

Cabaran besar pendidikan Islam di negara ini adalah bagaimana sistem Islam dapat dijadikan sebahagian daripada budaya masyarakat dan bukannya Islam dikenali kerana dikaitkan dengan aktiviti-aktiviti yang bertentangan dengan ajaran agama itu sendiri seperti terorisme, penculikan, pembunuhan dan aktiviti radikalisme sehingga menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat dan memburukkan imej Islam. Peranan kerajaan sangat penting sebagai ejen dalam membetulkan persepsi masyarakat Kristian begitu juga dalam mempromosikan budaya Islam melalui sistem pendidikan di mana pendidikan Islam di negara Filipina perlu diubah mengikut acuan tempatan bukannya acuan barat yang lebih menekankan sistem sekular. Akibat dari tindakan ini, dapat merealisasikan prinsip kesatuan bangsa dan rumpun, perpaduan nasional, keamanan dan harmoni dan menghapuskan deskriminasi masyarakat minoriti sesuai dengan slogan “kapwamu mahalmu” yang membawa erti mencintai senegara.

Kesimpulan

Seperti yang berlaku dalam semua negara di dunia khususnya yang mempunyai penduduk minoriti Muslim, perkembangan pendidikan Islam dilanda pelbagai cabaran dan salah satunya ialah bertembungan antara budaya Islam dan barat mengenai pendidikan. Pembangunan dalam pendidikan Islam bersifat menyeluruh iaitu pembangunan dari aspek fizikal dan rohani manakala barat hanya bersifat sekular. Integrasi kurikulum pendidikan Islam di sekolah-sekolah awam menunjukkan bahawa terdapat peluang besar untuk menerapkan Islam dalam kalangan masyarakat yang penduduknya majoriti Kristian melalui pelaksanaan program ALIVE.

Perkembangan Pendidikan Islam di Filipina menunjukkan suatu impak positif dalam kalangan pelajar-pelajar Filipina Muslim kerana mereka secara tidak langsung dapat menghafal beberapa ayat dari Al-Quran dan juga baik dalam pembangunan identiti serta jati diri, kepercayaan dan tanggungjawab seorang Muslim khususnya pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah awam. Juga, para guru dapat menanamkan ke dalam diri para pelajar tentang kandungan Al-Quran khususnya yang berkaitan ilmu akidah, syariah dan akhlak.

Bibliography

- Abdullah, M.F. 2003. Madrasah education in the Philippines. Paper presented at the Second Conference on the Unification and Development of Madrasah Education, Marawi City, Philippines.
- Ahmad Mohammad Hassoubah. 1981. Teaching Arabic as a Second Language in the Southern Philippines: Problem and Possibilities. Marawi City: Mindanao State University.

- Amil S. Flamiano. 2015. ALIVE Program National Public School Holiday. (Interview on 7th of September in al-Maarif Islamic School in Bokawkan Road, Baguio City).
- Boransing, M. 2003. Modernization and development of the madrasah institutions in the Philippines. Paper presented at the Second Conference on the Unification and Development of Madrasah Education. Marawi City, Philippines.
- Boransing, M., et. al. 1987. The madrasah institution in the Philippines: Historical and cultural perspectives. Iligan City: The Toyota Foundation.
- Bula, D. 1989. Muslims in the Philippine elementary and secondary school textbooks: A content analysis. *Dansalan Quarterly*, 10, 2-4, 122-196.
- Clavel, L. 1969. They are also Filipinos: Ten years with the cultural minorities. Manila: Bureau of Printing.
- Ghazi, A. 2003. To change madrasah education: Continuity and change. Paper presented at the Institute for Islamic Studies, University of the Philippines: Diliman, Philippines.
- Harrison, Francis B. 1922. The Corner-Stone of Philippine Independence. New York: The Century.
- Isidro, A. 1979. The Moro Problem: An Approach Through Education. Marawi City: MSU.
- Jeffrey Ayala Milligan. 2004. Islamization or Secularization? Educational Reform and the Search for Peace in the Southern Philippines. *Journal of Current Issues in Comparative Education*, Teachers College, Columbia University.
- Juliet C. Sannad. 2015. ALIVE Program. (Interview on 9th of September in Department of Education Cordillera Administrative Region, Benguet).
- Macapagal-Arroyo, G. 2002. Press Release. From Office of the President : <http://www.op.gov.ph> (date access 23 March 2016).
- Majul, Cesar Adib. 1973. Muslims in the Philippines. Manila: Saint Mary's Publishing.
- Majul, Cesar Adib. 1999. Muslims in the Philippines. Manila: University of the Philippines.
- Milligan, J.A. 2004. Democratization or neocolonialism? The education of Muslims under U.S. military occupation, 1898-1920. *History of Education*, 33, 4, p. 451-467.
- Mutlan, M. 2003. Leading a new beginning at DepEd ARMM. Cotabato City: Department of Education, Autonomous Region in Muslim Mindanao.
- Nene Astudilla C. Godoy, et. al. 2008. Arabic Language and Islamic Values Education (ALIVE) Program. Cordillera Administrative Region: Department of Education.
- Peter G. Gowing. 1968. Muslim-American Relations in the Philippines, 1899-1920. Syracuse University: University Microfilms, Inc.
- Rodriguez, L. 1993. A Madrasah General Education Program for Muslim Mindanao. Unpublished Thesis . Marawi City, Lanao del Sur, Philippines: Mindanao State University.
- Salah Jubair. 1999. Bangsamoro: A Nation Under Endless Tyranny. Kuala Lumpur: IQ Marin SDN. BHD.
- Saligoin, M.I. 1997. Open learning system for public schools and madaris. Paper presented at the First Madrasah Conference, October 16, 1997. General Santos City, Philippines.
- Tamano, S. 1996. Educational visions for Muslim Mindanao. Cotabato City: Department of Education, Culture and Sports, ARMM.
- Wendell Glenn P. Cagape. 2007. Islamicisation of the Philippine Public Basic Education Sector: Mainstreaming Madrasah Education. Ozamis City: La Salle University.